

Headline	Pemburu gajah tiada kaitan dengan Frim		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	16 Mar 2018	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	50	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	111 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,893
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,680



MAKLUMBALAS

Pemburu gajah tiada kaitan dengan Frim

■ Merujuk kepada perkara di atas dan berita akhbar Sinar Harian bertajuk 'Kejam! Bunuh gajah demi gading' yang diterbitkan pada 14 Mac, tentang empat orang yang ditangkap dalam kes pemburuan gajah.

Berita tersebut telah melaporkan bahawa salah seorang daripada empat yang ditangkap oleh pihak polis merupakan pekerja kontrak Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim).

Ketua Pengarah Frim, Datuk Dr Abd Latif Mohmod, berkata Frim telah membuat siasatan segera bagi tujuan semakan dan tindakan lanjutan bagi mengesahkan berita tersebut dan mendapati bahawa pihak yang terbabit tidak ada kaitan dengan Frim. Beliau bukan pekerja kontrak Frim seperti dilaporkan.

"Kami amat kesal dengan tindakan yang tidak berhati perut ini dan berasa sangat kecewa sekiranya benar pekerja Frim terbabit dalam kes tersebut."

Pengesahan bahawa pekerja Frim tidak terlibat ini penting bagi Frim kerana maklumat yang tidak tepat boleh memberi kesan negatif terhadap nama baik dan imej Frim.

Abd Latif berkata FRIM memandang serius sebarang salah laku yang membabitkan kakitangannya dan beliau memberi jaminan bahawa tindakan tegas akan diambil dengan segera terhadap mereka yang didapati bersalah.

- Unit Komunikasi Korporat, Frim